

Syarikat kendali tapak pelupusan Sungai Udang didakwa berulang kali sebabkan pencemaran

Tindakan lebih tegas menanti

Liana Sahabudin

BANDA HILIR - Syarikat mengendalikan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Sungai Udang, bakal dikenakan tindakan tegas kerana didapati cuai hingga menyebabkan pencemaran sungai berhampiran.

Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri, Datuk Rais Yasin berkata tindakan itu susulan syarikat berkenaan telah melakukan kesalahan sama berulang kali.

Katanya, sebelum ini beberapa notis dan kompaun telah dikeluarkan terhadap syarikat yang dilantik sebagai operator, namun masih mengabaikan tanggungjawab sepatutnya.

"Baru-baru ini saya bersama agensi terlibat iaitu Badan Kawal Selia Air (BKSA) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri membuat lawatan mengejut ke tapak pelupusan sampah tersebut.

"Hasil lawatan memang benar air sungai berhampiran menjadi hitam, apabila hujan ia menyebabkan limpahan daripada tempat tersebut. Saya yakin semua agensi terlibat menjadi saksi, isu ini akan di-



RAIS ketika mengadakan lawatan mengejut di tapak pelupusan sampah Sungai Udang. Foto Rais Yasin

bawa kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk tindakan segera," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas mewakili Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh pada Majlis Perasmian Seminar Pengukuhan dan Peningkatan

Hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Siri 2.0 di sebuah hotel di sini, 11 November lalu.

Tegasnya, jika masalah itu dibiarkan berlanjutan ia dikhuatiri akan menjejaskan penduduk dan petani di sekitar.

"Jika tidak dibendung pencemaran ini boleh

merebak hingga ke Sungai Lereh dan menjejaskan ramai lagi penduduk di kawasan itu. Kerajaan Negeri mahu selesaikan segera, sebelum ini kompaun sudah dikeluarkan, operator ini sudah beroperasi tahun demi tahun.

"Tindakan untukamatkan khidmat syarikat

ini bukan dalam bidang kuasa kita, sebab itu kita bawa kepada KPKT untuk tindakan sewajarnya," katanya.

Terdahulu Rais mengadakan lawatan mengejut di kawasan itu selepas menerima laporan terdapat air larut resap daripada tapak pelupusan sampah yang

memenuhi kolam tadahan air sisa sementara dan melimpah ke jalan raya.

Dalam lawatan itu beliau turut meminta BKSA dan JAS Melaka mengeluarkan notis kesalahan kepada syarikat terlibat supaya tindakan pembetulan dapat dilakukan segera tanpa lengah.